

21 OCT 1996

Abdullah-Myanmar

MALAYSIA HARAP MYANMAR DAPAT MEYAKINKAN NEGARA LAIN

Oleh: Tham Choy Lin

YANGON, 21 Okt (Bernama) -- Malaysia berharap kerajaan tentera di Myanmar akan dapat melakukan sesuatu untuk meyakinkan negara-negara lain bekerjasama dengan Myanmar untuk membangunkan ekonomi dan membantu rakyatnya.

Ini dinyatakan oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada pengerusi Majlis Pemulihan Keamanan dan Ketenteraman Negara (SLORC) Jen Than Shwe semasa pertemuan mereka di sini hari ini.

Dalam pertemuan hampir satu setengah jam di pejabat pemimpin Myanmar itu di Dagon House, Abdullah telah mengadakan perbincangan yang mendalam mengenai situasi di Myanmar dan juga permohonan negara itu untuk menyertai Asean.

Abdullah berkata pada sidang berita kemudian bahawa beliau telah menyatakan prihatin negara-negara jiran dengan segala perkembangan yang berlaku di Myanmar kini.

"Dan kita berharap kerajaan Myanmar akan dapat membuat sesuatu bagi meyakinkan kita semua dan dengan itu membolehkan kita memainkan peranan yang aktif membantu Myanmar dan menyumbangkan kepada pembangunan ekonominya," kata Abdullah.

Selain dengan Than Shwe, Abdullah turut mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha (I) SLORC, Lt Jen Khin Nyunt, rakan sejawatannya Ohn Gyaw dan Menteri Perancangan Negara dan Pembangunan Ekonomi, David Abel.

Abdullah, yang merupakan menteri luar Malaysia yang pertama melawat Myanmar, berkata beliau bangga dapat mendengar sendiri daripada Than Shwe mengenai situasi di Myanmar dan komitmen serta usaha kerajaan untuk memastikan keamanan dan kestabilan di Myanmar.

"Beliau amat memahami tanggungjawab beliau mengendalikan situasi di Myanmar ini supaya rakyat nanti tidak menderita dengan perkembangan-perkembangan yang boleh menyebabkan negara tidak stabil dan aman," kata Abdullah.

Myanmar dikecam oleh negara-negara Barat mengenai hak asasi manusia dan mahukan kerajaan tentera Myanmar membuat pemulihan sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi.

Asean juga turut menerima tekanan supaya tidak menerima Myanmar menyertai Asean.

Abdullah berkata pertemuannya dengan Than Shwe cukup bererti dan satu peluang untuk mereka bertukar-tukar fikiran.

Than Shwe menyuarakan penghargaannya kepada dasar "constructive engagement" Asean terhadap negaranya dan berharap Myanmar akan diterima sebagai anggota Asean.

Pemimpin Myanmar itu juga menyatakan bahawa permohonan Myanmar untuk menganggotai Asean adalah yang pertama dibuat oleh negara itu untuk menyertai sesuatu kumpulan dan pada masa dahulu, Myanmar tidak berminat kecuali dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensinya.

"Saya menerangkan bahawa Asean belum membuat sebarang keputusan kerana kita mahukan pihak Myanmar mengikuti proses kenalsuai dengan struktur dan cara Asean mencapai keputusan," kata Abdullah.

Myanmar juga telah menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi di bawah kementerian luarnya untuk membuat persediaan menganggotai Asean, katanya.

Myanmar diterima sebagai pemerhati Asean Julai lepas dan telah mengemukakan permohonan menyertai Asean kepada Malaysia, selaku pengerusi

Asean, semasa lawatan Than Shwe ke Malaysia.

Permohonan Myanmar itu dijangka akan turut dipertimbangkan oleh sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin Asean di Jakarta bulan depan.

Kamboja dan Laos akan diterima masuk Asean pada ulangtahun ke-30 Asean di Kuala Lumpur tahun depan. Keanggotaan Myanmar akan menyempurnakan hasrat asal Asean, yang ditubuhkan pada 1967, supaya kesemua 10 negara Asia Tenggara menganggotainya.

Mengenai pertemuannya dengan Oh Gyaw, Abdullah berkata perbincangan dua hala kira-kira sejam itu merangkumi beberapa perjanjian yang telah ditandatangani semasa lawatan Than Shwe ke Malaysia Ogos lepas.

Ini termasuk perjanjian mengelak cukai dua kali, perjanjian perdagangan, perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian pembayaran dua hala.

Abdullah juga menyatakan Malaysia memerlukan khidmat lebih banyak doktor dan jururawat dari Myanmar.

Katanya, Myanmar juga akan menghantar satu rombongan ke Kuala Lumpur untuk menimba pengalaman Malaysia sertai mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi tertentu dalam aspek pembangunan.

Myanmar juga berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat melakukan lawatan ke sini secepat mungkin.

Abdullah yang tiba semalam akan berlepas ke Kamboja esok. -- BERNAMA
TCL OBA